

MAJLIS PEMAKAIAAN LENCANA CAWANG, PENYAMPAIAN SIJIL DAN PENUTUP KURSUS ASAS PEGAWAI URUSETIA SIRI 41/17

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2336-artikel-buletin-udara-dan-portal-tudm-daripada-institut-pengajian-pentadbiran-dan-pengurusan-instar

SUBANG, 23 Ogos 17 - Majlis Pemakaian Lencana Cawang, Penyampaian Sijil dan Penutup Kursus Asas Pegawai Urusetia Siri 41/17 telah disempurnakan oleh Pemangku Asisten Ketua Staf Tadbir, YBhg Kol Muhammad Shafiq bin Jahudi TUDM bertempat di Dewan Pahlawan INSTAR. Majlis turut dihadiri oleh Pegawai Memerintah Rejimen TUDM, Kol Khalil bin Mohd Ali TUDM, Pemangku Pengarah Perkhidmatan, Lt Kol Mohd Khair bin Shaari TUDM, pegawai-pegawai dan jurulatih INSTAR.

Seramai 28 orang pegawai daripada Cawang Tadbir telah berjaya menamatkan kursus tersebut yang bermula pada 11 Apr 17 dan tamat pada 25 Ogos 17. Kursus ini merupakan kursus asas pegawai Cawang Tadbir yang mana melayakkan mereka memakai lencana Cawang Tadbir.

Anugerah Penuntut Akademik Terbaik dan Penuntut Keseluruhan Terbaik Kursus Asas Pegawai Urusetia Siri 41/17 telah disandang oleh LtM Najwa binti Muhammed Maasus TUDM.

Dalam pada itu, majlis turut diraikan dengan pemakaian pangkat anggota dari MTU - Perkhidmatan iaitu LUK Mohd Fadley bin Mohd Nordin dan LUK Muhamad Fadzlee bin Razali dari ketukangan Pembantu Tadbir telah dinaikkan ke pangkat Koperal Udara mulai 1 Julai 17.



